



UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

Cawangan Negeri Sembilan  
Kampus Rembau

2024

# RONA TINTA

e-BULETIN  
EDISI  
2024

FAKULTI PENGURUSAN & PERNIAGAAN  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN, KAMPUS REMBAU



CHIEF EDITOR  
**SYAZLIANA KASIM**

EDITORS  
**FARRAH OTHMAN**  
**NOOR AZILLAH MOHAMAD ALI**  
**SHAHRUL AMRI AB WAHAB**  
**DR. HAFIZ ALI, M.**

eISSN 2785-9126



9 772 785 912 007



# FPP WEEK FOR WEEK WITHOUT WALL (WWW)

4 - DISEMBER 2023

**DR. MUHAMMAD HAFIZ ALI**

FPP Week for Week-Without-Wall merupakan satu projek pembelajaran di luar kelas yang bertujuan untuk memberi pendedahan kepada para mahasiswa dan mahasiswi tentang halatuju industri terkini dan haluan kerjaya selepas tamat pengajian diploma. FPP Week ini telah dijayakan dengan bantuan kumpulan SIG EMLD yang berjaya menjemput panel-panel daripada industri tempatan dan internasional. Turut membantu adalah persatuan pelajar DBankers. Program ini telah berlangsung selama satu minggu dari 4 hingga 8 Disember 2023, bertempat di Dewan Biduanda, UiTM Cawangan Negeri Sembilan (UiTMCNS), Kampus Rembau.



Sebanyak 11 program yang dijalankan. Program-program tersebut adalah;

- 1) FPP Industrial Link-up
- 2) Innovation in Business Today
- 3) Life is a Startup
- 4) IM2GREAT
- 5) Lawatan ke Bank Negara Malaysia
- 6) Celik SPRM
- 7) International Cultural Festival
- 8) FPP Icons Shout-out
- 9) What I Wish I Knew When I Was 20
- 10) Money Maze Ghombau
- 11) FPP Week Business Carnival

Antara penceramah yang berjaya dijemput adalah:

- 1) Hussien Hassan Ali, Project Manager East Region Risk Management, Liberty Mutual Insurance Bhd.
- 2) Ibrahim Ariffin, Senior Manager Management Consulting Division, Afry (M) Sdn. Bhd.
- 3) Zusuff Kan, Business Designer, Startlah Innovation PLT.
- 4) Afizan Amer, Pensyarah Kanan, FPP UiTMCNS.
- 5) Nurul Nosa Mohd Shah, Pensyarah, FPP UiTMCNS.
- 6) Normaliza Jaafar, Penolong Kanan Penguasa SPRM.
- 7) Siti Syazwani Zulhain, Executive Group Treasury, Petronas Bhd.
- 8) Mirza Syazan Mohd Fizar, Executive Governance, Risk, & Compliance, Bank Simpanan Nasional.
- 9) Farah Hanani Roslan, Executive Content Analyst, ByteDance (M) Ltd.
- 10) Nur Asilah Abu Bakar, Korean Government Scholar, University of South Korea



Objektif FPP Week ini adalah untuk menyokong dan merealisasikan hasrat pendidikan berkualiti, di mana kita berjaya menghasilkan graduan yang holistik dan berpandangan jauh. Selain itu, FPP Week ini juga diharap dapat mempersiapkan pelajar ke arah graduan yang berintelektual tinggi dan memenuhi kebolehpasaran yang berkualiti. Menghasilkan graduan yang peka dengan kehendak industry semasa dan merupakan acuan yang dicari oleh syarikat-syarikat tempatan dan antarabangsa. Agar graduan yang kita hasilkan sejajar dengan aspirasi UiTM iaitu; 'Globally Renowned, Locally Rooted'.





Program-program sepanjang FPP Week ini dirancang khas untuk meningkatkan kemahiran komunikasi sesama pelajar dan industri luar. Ia mampu meningkatkan jumlah keterlibatan pelajar pelajar dalam program bersama industri luar. Program-program bersama wakil-wakil industry ini diharap dapat membina jaringan yang lebih utuh di antara UiTM dengan industry luar. Sekaligus boleh meningkatkan kedudukan UiTM di peringkat global.

